

27/10/2003

Chong serah tugas Ketua Menteri Sabah hari ini

KOTA KINABALU: Datuk Chong Kah Kiat menamatkan perkhidmatan sebagai Ketua Menteri Sabah ke-13, semalam, dengan harapan rakyat negeri ini akan memberi sokongan padu dan tidak berbelah bagi kepada penggantinya, Datuk Musa Aman.

Sambil mengakui berpuas hati sepanjang tempoh dua tahun memegang jawatan itu mengikut sistem penggiliran, beliau berkata, kerjasama serta sokongan itu perlu bagi memastikan kelancaran proses pembangunan negeri ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar terakhir selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri sebagai Ketua Menteri di pejabatnya di Wisma Innoprise, semalam. Musa turut hadir pada majlis itu.

Chong menamatkan perkhidmatan dua tahun secara rasmi semalam bagi memberi laluan kepada Musa, mewakili kuota Bumiputera Islam, menjadi Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran yang diperkenalkan pada 1994.

Sebelum ini, Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah ke-6 mengikut sistem penggiliran pada 27 Mac 2001, menggantikan Datuk Osu Sukam.

Musa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah dan Menteri Kewangan Sabah dinamakan sebagai pengganti Chong oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Mac lalu.

Beliau akan mengangkat sumpah jawatan itu di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Ahmadshah Abdullah, di Istana Negeri, pada jam 10 pagi ini, manakala Kabinet pimpinannya pula mengangkat sumpah, Selasa ini.

Chong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudat berkata, sempena mesyuarat terakhir itu, beliau turut menyatakan beberapa perkara yang tidak sempat dilaksanakan sepanjang pentadbirannya dan berharap ia dapat diberi perhatian Kabinet negeri yang baru.

Ini termasuk masalah konsesi, masa depan serta tunggakan bil air dan beberapa agensi kerajaan negeri yang bermasalah seperti Lembaga Pemuliharaan Hutan Sabah (Safoda) dan Permodalan Bumiputera Sabah.

Selain itu, permohonan bagi membangunkan tanah berhampiran laut serta masa depan anak syarikat kerajaan negeri, MLGH Sdn Bhd, yang kini berdepan masalah kewangan.

Menjawab soalan sama ada Kabinet negeri ada membincangkan mengenai barisan baru apabila Musa mengambil alih jawatan Ketua Menteri hari ini, Chong berkata ia tidak dibincangkan.

"Kita tidak bincang kerana ini adalah hak mutlak Ketua Menteri. Mana-mana sistem di dunia, Perdana Menteri atau Ketua Menteri mempunyai kuasa mutlak untuk memilih Kabinetnya," katanya.

Mengenai masalah kemiskinan di Sabah, Chong berkata, negeri ini antara penerima peruntukan terbesar Kerajaan Pusat sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) dan Kelapan (RM-8).

(END)